

08 SEP 2001

Thaksin-Tiba

THAKSIN TIBA UNTUK LAWATAN SEHARI

KUALA LUMPUR, 8 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Thailand Thaksin Shinawatra tiba di sini hari ini bagi lawatan sehari atas jemputan rakan sejawatannya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi menghadiri upacara perasmian Sukan SEA ke-21.

Ketibaan beliau di Lapangan Terbang Antarabangsa KL di Sepang disambut oleh Timbalan Menteri Luar Datuk Dr Leo Michael Toyad.

Ynag turut serta dalam rombongan itu ialah Menteri Perdagangan Thailand dan lapan pegawai kerajaan.

Sejurus selepas ketibaannya, Thaksin berlepas ke Seri Perdana, Putrajaya untuk bertemu Dr Mahathir.

Malam ini, Thaksin akan menghadiri upacara perasmian Sukan SEA di Stadium Nasional di Bukit Jalil di sini.

Lawatan Thaksin itu juga bagi memberikan sokongan moral kepada kontinjen Thailand pada temasya Sukan SEA serta kepada Malaysia selaku tuan rumah sukan itu pada tahun ini.

Lawatan itu juga dijangka akan memperkukuhkan lagi hubungan setiakawan dan kerjasama rapat yang sedia terjalin antara kedua-dua negara.

Thaksin, sebelum ini telah melawat Malaysia pada 24 April selepas memegang jawatannya itu.

-- BERNAMA

ZAI HS RHM